

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dr. Noor Azmi bin Ghazali
[Bagan Serai]

TARIKH : 19 November 2015 (Khamis)

SOALAN : Dr. Noor Azmi bin Ghazali minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan

Adakah Kerajaan bersedia untuk membekalkan benih padi MR284 ini ke semua negeri secara menyeluruh dan adakah Kementerian bersedia untuk memberi khidmat nasihat dari pelbagai agensi untuk pelaksanaannya, kerana padi varieti MR284 adalah lebih tegap, lebih tahan rintangan penyakit, lebih hasil dan lebih lembut nasi yang dihasilkan. Benih ini dapat hasilkan 9 ke 10 tan per hektar sawah padi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dasar pengisytiharan varieti dan tanaman baru oleh pihak Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah menggariskan bahawa setiap varieti padi yang akan diisytiharkan mesti melalui proses pengeluaran benih baka dan benih asas. Sebelum pengisytiharan varieti MR284 iaitu pada musim 1/2015, MARDI telah mengeluarkan benih asas sebanyak 1 tan dan telah dijual kepada Pengeluar yang dilantik Kerajaan untuk pengeluaran Benih Daftar dan Benih Padi Sah. Dari segi pembekalan Benih Padi MR284, ia dijangka dapat dibekalkan di seluruh negara mulai musim 2/2016 hinggalah ke musim-musim seterusnya. Dari segi khidmat nasihat kepada agensi dan jabatan yang terlibat, ianya akan disampaikan sama ada melalui Kumpulan Kerja Teknikal atau melalui kursus-kursus jangka pendek terutama kepada agen-agen pengembangan.

Penggunaan benih MR284 ini akan sentiasa dipantau oleh pihak Kerajaan menerusi pihak MARDI dengan kerjasama Jabatan Pertanian Malaysia bagi memastikan penggunaan benih yang ditanam oleh petani adalah benih padi sah agar keberkesanan dan potensi hasil (*yield*) pengeluaran padi dapat dicapai.